

Takut belajar di bandar besar

Pelajar bimbang hanyut dalam masalah sosial

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

Saya menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan berhasrat melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

Saya dikategorikan pelajar bijak dan sering mendapat keputusan baik dalam peperiksaan.

Kini, saya dalam dilema kerana tidak tahu sama ada ingin belajar di institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Ibu bapa tidak menghalang saya belajar di mana-mana pun, yang penting saya meneruskan pengajian dan mendapat pekerjaan yang baik.

Saya berpendapat jika dapat masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), ibu bapa lebih gembira kerana bukan mudah melanjutkan pelajaran di situ.

Namun, ramai kawan-kawan lebih tua daripada saya yang melanjutkan pengajian di kolej atau universiti swasta mendapatkan pe-

kerjaan yang baik.

Ini membuatkan saya berbelah bagi sama ada ingin belajar di universiti awam atau swasta.

Saya bimbang belajar di universiti di bandar besar kerana takut terpengaruh dengan banyak masalah sosial.

INSAN RAGU, Terengganu.

! Ilmu adalah perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan sesuatu bangsa itu.

Islam amat mementingkan ilmu malah dalam al-Quran hadis Rasulullah s.a.w. banyak diterangkan mengenai perkara itu.

Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu membuktikan Islam adalah agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu.

Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya; "Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas tiap-tiap orang Islam lela-

ki dan perempuan." Berdasarkan hadis itu, jelas menuntut ilmu itu adalah suatu perkara yang penting dan menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam.

Imam Al-Ghazali menjelaskan "Ilmu itu kehidupan hati daripada kebutaan, sinar penglihatan daripada kezaliman dan tenaga badan daripada kelemahan".

Dr terharu dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana adik mempunyai hasrat untuk melanjutkan pelajaran setinggi mungkin.

Dr bangga dengan sikap muda-mudi yang sentiasa bersemangat meningkatkan ilmu demi diri, bangsa dan agama. Melanjutkan pelajaran sama ada di IPTA atau IPTS mempunyai kelebihan tersendiri.

Dalam usaha mengejar impian dan cita-cita, pengorbanan diperlukan. Ini termasuk untuk adik membuat pilihan yang lebih baik dalam pemilihan tempat belajar.

Pujangga Samuel Johnson mengatakan "masa depan itu dibeli oleh masa sekarang". Rahsia kejayaan hidup adalah persediaan manusia untuk menyambut kesem-

p a t a n
y a n g
m e n -
j e l m a .
J i k a
a d i k
b e n a r -
b e n a r
s e r i u s
u n t u k
m e n g g e -
n g a m
a p a
d i h a j a t k a n ,
p e n g o r b a -
n a n
d a l a m
k e h i d u p a n
p e n t i n g .

Mengenai persoalan takut belajar di bandar besar kerana tidak mahu terpengaruh dengan masalah sosial, di mana-mana pun kita berada, apa yang penting ialah pandai menjaga maruah diri



Gambar - Google.

baran, adik boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran di tempat berhampiran dengan tempat tinggal adik dan keluarga. Permasalahan penting yang perlu adik tanya diri sebelum mengambil sebarang keputusan ialah adakah adik sudah cukup bersedia untuk berdiskusi dengan orang tua-tanda dan bertanggungjawab sebagai seorang pelajar tanpa mengira status dan status seseorang itu.

kolej atau universiti.

Jawapannya akan menentukan pilihan tempat belajar adik nanti. Dr doakan adik akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, dapat melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi dan seterusnya berbakti kepada agama, nusa dan bangsa.

? Saya berumur 20 tahun dan menghadapi masalah tidak pandai berbual walaupun bersama kenalan terdekat. Saya sangat hairan kerana dengan ayah pun saya tidak pandai berbual.

Apabila ditanya sepatah, saya akan menjawab sepatah. Pada mulanya saya fikir kerana umur masih kecil mungkin saya tidak pandai beramah mesra tapi masalah ini berlanjutan sehingga sekarang.

Saya cuba untuk mengubahnya dengan menghadiri majlis-majlis keramaian di rumah sanak saudara tapi apabila di majlis itu saya berasa seperti orang asing. Peliknya, apabila saya bersama kawan-kawan, boleh pula berbual dan bergurau seperti biasa.

Saya dapati tidak selesa dengan seseorang kerana tidak pandai berbual. Sebaliknya, apabila saya merasa selesa dengan personalitinya, saya dapat berbual dengan baik bersama mereka.

Remaja tertekan ayah sering kecil hati

Pendek kata, saya suka berkawan dengan orang yang peramah dan banyak mulut agar saya tidak perlu bercakap banyak. Dr, kenapa begitu susah untuk saya beramah mesra dengan orang lain. Saya tidak kisah jika tidak pandai beramah mesra dengan orang asing tapi saya teringin beramah mesra dengan ayah sendiri.

Ayah sering berkecil hati kerana saya tidak berbual dengannya. Saya sedih melihat orang lain bergurau dengan keluarga mereka sendiri padahal saya hanya mampu menjawab soalan yang ditanya. Keluarga saya sama sekali tidak bermasalah. Saya keliru dan inginkan jalan penyelesaian. Bantusa ya Dr.

REMAJA TIDAK PANDAI BERBUAL, Melaka.

! Personaliti seseorang berbeza dan unik. Ahli psikologi menjelas-

kan terdapat personaliti jenis ekstrovert dan introvert. Sesuatu yang normal apabila individu sukar untuk membina hubungan dengan orang yang baru dikenali mahupun sanak saudara dan rakan-rakan berdasarkan faktor personaliti dan faktor lain.

Masalah tidak pandai berbual adik boleh diatasi melalui beberapa petua. Pertama, adik perlu sedar bahawa kebanyakan rasa ketakutan hanya berada dalam diri.

Untuk mengatasi masalah ini, adik perlu membentuk satu imej pemikiran yang sihat apabila bertemu dengan orang. Ada individu yang melihatnya sebagai satu peristiwa yang menakutkan kerana bimbang perlu membuat satu pandangan yang baik apabila bertemu dengan orang lain.

Semakin banyak kita memikirkan perkara ini, semakin menakutkan. Rasa malu kepada orang lain

lahir hasil daripada ketakutan ini. Dalam usaha untuk memudahkan perbualan, mulakan perbualan berkaitan perkara kecil dengan orang yang kita ingin berbicara.

Seterusnya, biasakan dengan menyertai kumpulan atau persatuan yang diminati. Banyak kumpulan pertemuan atau persatuan yang ada. Adik juga boleh menghadiri kursus atau bengkel tempat berhimpun individu yang mempunyai masalah seperti adik.

Dalam membina persahabatan, adik juga boleh membabitkan diri dengan kerja-kerja kebajikan. Berhubung melalui Internet adalah satu usaha baik untuk memulakan sesuatu persahabatan. Ramai yang mendapat pasangan hidup bermula dengan Internet.

Memulakan perbualan memerlukan adik membuat langkah pertama. Jangan tunggu untuk orang lain menegur atau memulakan

perbualan. Adik kena ambil inisiatif untuk bertegur sapa.

Mulakan perbualan adik dengan yang mudah dan kecil. Memberi salam atau bertanya khabar adalah contoh yang baik.

Sikap tidak menghukum orang lain juga dapat membantu dalam merencanakan perbualan dan membina persahabatan.

Jangan terlalu mendesak untuk membina sesuatu persahabatan. Berikan persahabatan ruang untuk berkembang.

Adik juga perlu berhubung secara ikhlas. Apa yang sering berlaku ialah kita terlalu memikirkan mengenai diri sendiri sehingga terlupa mengenai keperluan orang lain.

Apa yang selalu kita fikirkan ialah apa yang orang lain akan fikirkan terhadap kita, apa yang perlu kita cakap dan juga apa langkah yang perlu kita ambil seterusnya. Perkara ini

menghalang kepada pembinaan sebuah perhubungan yang baik.

Apa yang lebih penting ialah jadilah diri sendiri. Jangan ubah diri semata-mata untuk mencari kawan.

Persoalan adik dengan ayah boleh cuba diatasi dengan adik menerangkan personaliti adik sebenar.

Beritahu ayah bukan adik bertujuan bersikap dingin terhadapnya tapi itulah diri adik sebenar dan berusaha berubah dari seorang yang rendah diri dan pendiam kepada lebih mesra.

Secara psikologinya, individu akan dapat berbicara dengan baik dan rancak apabila merasa selesa dengan personaliti individu.

Tidak hairan apabila dengan kelompok yang adik suka, adik tidak menghadapi sebarang masalah berkomunikasi.